



UPM Bolot 3 Anugerah Utama MTE 2009



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tengah) bersama Prof. Madya Dr. Sabira Khatun (tiga dari kiri), Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal (dua dari kiri), Prof. Madya Dr. Paridah Md. Tahir (tiga dari kanan) dan penyelidik lain pada sidang media di UPM baru-baru ini.

KUALA LUMPUR 6 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) membolot tiga daripada empat anugerah utama Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, anugerah tersebut adalah Best of The Best Award, The Very Best Award dan Women Innovator of The Year.

UPM turut memenangi enam pingat emas, sembilan perak dan 15 gangsa melalui 31 penyertaan berasaskan pertanian, sains kesihatan, bioteknologi, kejuruteraan komputer, senibina dan pendidikan pada ekspo tiga hari bermula 19 hingga 21 Februari lalu.

"Anugerah Best of The Best Award diterima oleh Prof. Madya Dr. Sabira Khatun dari Fakulti Kejuruteraan melalui penyelidikan bertajuk Secure Route Optimization in Mobile IPv6 Networks With Enhanced Micro-Mobility Solution iaitu alatan yang digunakan sebagai infrastruktur rangkaian tanpa wayar yang lebih selamat," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal dari fakulti yang sama telah dianugerahkan The Very Best Award melalui penyelidikan bertajuk Fruits Grater and Peeler iaitu produk pamarut dan pengupas buah dan sayur.

Katanya anugerah Women Innovator of The Year diperolehi Prof. Madya Dr. Paridah Md. Tahir dari Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan UPM melalui penyelidikan, A Method of Reducing Moisture and Surface Roughness in Oil Palm Stem Veneer iaitu penciptaan mesin pemampat beroda yang boleh mengurangkan lembapan pada papan lapis yang berasal daripada batang kelapa sawit.

"Kejayaan mereka merangkul ketiga-tiga hadiah utama tersebut menunjukkan penyelidik wanita UPM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan," katanya.

Nik Mustapha berkata pada penganjuran kali ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku penganjur telah menerima 460 projek penyelidikan pada 55 organisasi, majoritinya merupakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institut penyelidikan dan sekolah-sekolah sains seluruh negara.

Beliau berkata UPM turut memenangi tiga pingat emas lain oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff dari Fakulti Kejuruteraan dengan tajuk penyelidikan, Web Precision Farmer, Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan (Fakulti Pengajian Pendidikan) dengan penyelidikan, Evaluating efficiency of vocabulary loading and distribution in textbooks using concordance software dan Bukryman Sabri (Fakulti Ekologi Manusia) dengan penyelidikan bertajuk Honeycomb Housing: Kampung in the City.

Sementara itu Dr. Sabira ketika ditemubual berkata penyelidikan berkenaan IPv6 merujuk kepada infrastruktur rangkaian tanpa wayar yang lebih selamat kerana dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang tinggi dalam melancarkan aplikasi lain seperti hiburan, permainan, sidang video atau sebarang aliran video yang sedang digunakan.

"Projek itu juga memudahkan pemilihnya mengetahui kedudukan alatan mudah alih walau berada di mana sekali pun.

"Alatan itu juga dapat mempertingkatkan komunikasi antara pengguna internet seluruh dunia selain dapat mengesan serangan terhadap integriti data," katanya yang dibantu 15 pelajar untuk menyiapkan penyelidikan selama empat tahun itu.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kanan) Prof. Madya Dr. Sabira Khatun (tiga dari kiri), Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal (dua dari kiri), Prof. Madya Dr. Paridah Md. Tahir(kiri).

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.